

Pensyarah hadapi detik nyaris jadi mangsa ragut

KUALA LUMPUR 23 Mac - Seorang pensyarah muzik Universiti Putra Malaysia (UPM) berdepan detik cemas selepas nyaris diragut dua lelaki bermotosikal yang memecahkan cermin kenderaannya di Taman Len Sen, Cheras, di sini kelmarin.

Mangsa, Ang Mei Foong, 30-an, berkata, kejadian berlaku semasa dia memandu berseorangan kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Perodua Alza dan berhenti di persimpangan lampu isyarat di situ, kerana lampu merah, pada pukul 10.45 malam.

Katanya, secara tiba-tiba muncul dua lelaki bermotosikal bertindak memecahkan cermin bahagian penumpang di sebelah pemandu.

"Saya baru berhenti di situ dan mengambil beg tangan di tempat letak kaki serta meletakkannya di tempat duduk penumpang untuk mengambil gula-gula.

"Tiba-tiba saya terdengar bunyi seakan-akan 'kemalangan' dan melihat seorang daripada dua lelaki bermotosikal memecahkan cermin kereta.

"Mereka cuba memecahkan cermin sebanyak tiga kali tetapi gagal membuat lubang besar kerana ia dilengkapi dengan penapis anti-curi. Kedua-duanya kemudian melarikan diri," katanya di sini hari ini.

Tambah Mei Foong, beberapa pemandu kereta yang berada di sisi dan hadapannya tidak mampu berbuat apa-apa kerana insiden itu berlaku dengan pantas.

Katanya, berikutan itu, dia membuat laporan di balai polis berdekatan pada keesokannya.